

▼18/01/14-57MST

CNS8468

U PB 18-01 00186 BH277

aab

Mahathir - Sabah

KEPUTUSAN MAHKAMAH DALAM KES PAIRIN MUNGKIN BAWA MESEJ, KATA PM

KUALA LUMPUR, 18 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini keputusan Mahkamah Tinggi dalam kes rasuah Ketua Menteri Sabah Datuk Joseph Pairin Kitingan semalam mungkin mempunyai sesuatu mesej yang hendak ditujukan kepada Kerajaan Persekutuan.

Kerajaan Persekutuan akan mengkaji perkara itu bagi memahami apakah mesej yang hendak disampaikan, kata Perdana Menteri tanpa menghurai lebih lanjut.

Beliau yang ditemui selepas merasmikan Kompleks Pernas SOGO di sini, diminta mengulas keputusan Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu yang mengenakan hukuman denda RM1,800 ke atas Pairin setelah didapati bersalah menggunakan kedudukannya meluluskan projek pembinaan rumah kedai bernilai RM1.48 juta kepada sebuah syarikat yang anggota keluarganya mempunyai kepentingan.

Mengikut Seksyen 2(1) Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 1970, kesalahan itu membawa hukuman denda maksimum RM20,000 atau penjara tidak melebihi 14 tahun atau kedua-duanya sekali.

Pairin, yang membuat keputusan mengadakan pilihan raya negeri lebih awal pada bulan depan, masih layak bertanding pada pilihan raya itu kerana hukuman ke atasnya tidak menghilangkan kelayakannya untuk menjadi Wakil Rakyat. -- lagi

▼18/01/14-25MST

U PB 18-01 00171 BH280

aab

(Ulangan membetulkan para akhir)

Mahathir - Sabah 2 (akhir) Kuala Lumpur

Mengikut Artikel 48 (e) Perlembagaan Persekutuan, seseorang akan kehilangan kelayakan untuk menjadi sama ada Anggota Dewan Undangan Negeri atau Anggota Parlimen jika didenda tidak kurang daripada RM2,000 atau dikenakan hukuman penjara tidak kurang daripada setahun.

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi Barisan Nasional, yakin keputusan mahkamah itu tidak akan menjejaskan peluang BN dalam pilihan raya, yang akan diadakan pada 18 dan 19 Feb.

Perdana Menteri yakin parti pimpinan Pairin, Parti Bersatu Sabah (PBS) akan menggunakan isu-isu bersifat kenegerian untuk berkempen tetapi BN akan menangkis dakwaan mereka.

"Kita akan terangkan bahawa kita cuma ingin membangunkan Sabah. Selama ini Sabah tidak dapat dibangunkan kerana cara-cara pemerintahan Pairin," katanya.

Dalam pilihan raya 1990, PBS menenangi 36 daripada 48 kerusi yang dipertandingkan pada pilihan raya negeri. Bagaimanapun, PBS keluar daripada BN pada saat-saat akhir sebelum pilihan raya Parlimen yang diadakan pada tahun yang sama. -- Bernama

ARG SIA

▼18/01/15-15MST